

Ahli Parlimen Pakatan Harapan vs Perikatan Nasional: Analisis dari Sudut Kredibiliti Calon

Pakatan Harapan vs Perikatan Nasional MPs: Study From The Perspective Of The Candidate's Credibility

Saiyid Radzuwan Syed Sopi^{1*}, Ahda Ambak²

¹ Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ)

Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang, MALAYSIA

² Sek Men Keb Seri Perak

34200 Parit Buntar, Perak, MALAYSIA

*Pengarang Utama: xpbsaiyid@usm.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2024.05.02.011>

Maklumat Artikel

Diserah: 04 Januari 2024

Diterima: 17 April 2024

Diterbitkan: 30 Jun 2024

Kata Kunci

Gabungan parti, berkuasa, ketua parti, kredibiliti dan masalah rakyat

Abstrak

Sebelum Agong membuat keputusan gabungan parti manakah yang layak dipilih sebagai kerajaan, baginda telah memberikan ruang dan peluang kepada semua ketua parti untuk membuktikan yang gabungan parti mereka sudah memenuhi kriteria untuk menjadi kerajaan. Namun, Muhyiddin secara tegas menolak dengan terus mendakwa beliau mendapat sokongan majoriti, berbeza dengan Anwar yang cenderung menjalin kerjasama membentuk KP seperti disaran baginda. Akibat penolakan ini, maka PN menjadi pembangkang manakala BN yang hanya memiliki 30 kerusi berhasil menjadi sebahagian daripada kerajaan. Kegagalan Muhyiddin dalam mencegah UMNO menjadi sebahagian daripada kerajaan adalah tamparan paling pedih buat PN. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan bahan-bahan rujukan yang bersifat fizikal dan atas talian dijadikan sumber rujukan. Justeru, kajian ini mendapati bahawa nilai kredibiliti ahli parlimen PN masih ditahap tercorot dan mereka dikategorikan sebagai seorang YB yang hebat hanya semasa berkempen. Tambahan pula, keterampilan mereka untuk menyelesaikan sesuatu masalah rakyat masih menjadi tanda tanya. Hal ini kerana agenda politik harian yang sering menjadi bual bicara dalam kalangan mereka ialah KP akan berkubur dan mereka dilihat sebagai pengganti kerajaan yang boleh dipercayai oleh rakyat.

Keywords

Coalition party, power, party leader, credibility, and people problem

Abstract

Before the King decides which coalition party is eligible to be elected as the ruling party, His Majesty has given space and opportunity to all party leaders to prove that their party coalition has fulfilled the criteria to become a government. However, Muhyiddin firmly refused by continuing to claim that he had the support of the majority, in contrast to Anwar who tended to cooperate in forming the KP as suggested by His Majesty. As a result of this rejection, PN became the opposition while BN, which only had 30 seats succeeded in becoming part of the government. Muhyiddin's

failure to prevent UMNO from becoming part of the government was the most painful to PN. This study is a qualitative study and reference materials that are physical and online are used as reference sources. Thus, this study found that the credibility value of PN parliamentarians is still at its lowest level, and they are categorized as a great YB only during campaigning. In addition, their skills in solving people's problems are still a question mark. This is because the daily political agenda that is often discussed among them is that the KP will be destroyed, and they are seen as a successor to the new government that the people can trust.

1. Pendahuluan

Tempoh pentadbiran Kerajaan Perpaduan (KP) pimpinan Perdana Menteri (PM) Anwar Ibrahim telah melepas setahun (sejak 24 Nov 2022 - kini) dan fenomena ini telah menghancurkan impian Perikatan Nasional (PN) untuk melakukan rampasan kuasa politik. PN sering kali memberikan bayangan bahawa dalam masa terdekat KP akan terkubur akibat konflik dalaman dan mereka dilihat sebagai kerajaan alternatif yang sesuai untuk mentadbir Malaysia. Namun, peredaran masa membuktikan bahawa tiada tanda-tanda KP akan runtuh walaupun pimpinan tertinggi PN sering melemparkan tomahan negatif terhadap Anwar dan barisan kabinetnya. Sejarah politik membuktikan bahawa PN berjaya merampas kuasa politik daripada Pakatan Harapan (PH) pada 24 Feb 2020 dan mereka percaya bahawa mereka berkemampuan untuk mengulangi semula tragedi rampasan kuasa tersebut. Namun, harapan tertinggi yang dibayangkan oleh PN hanya akan tinggal harapan kerana kerajaan telah menguatkuaskan akta lompat parti. Hal ini akan menyebabkan mana-mana ahli politik tidak dibenarkan menjadi katak politik sebagaimana mereka pernah melakukannya dahulu pada 2020.

Selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan keputusan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), kelihatan pimpinan tertinggi PH dan PN berlumba-lumba mengisyiharkan bahawa gabungan parti mereka mempunyai cukup majoriti untuk membentuk kerajaan walaupun pada hakikatnya tiada gabungan sama ada daripada PH mahupun PN yang berjaya memperoleh majoriti mudah untuk membentuk kerajaan. Berdasarkan keputusan PRU15, PH mendapat 82 kerusi, PN 74 kerusi, Barisan Nasional (BN) 30 kerusi dan blok Borneo 36 kerusi. Oleh itu, adalah mustahil bahawa PH atau PN atau BN boleh membentuk kerajaan tanpa melakukan perkongsian kuasa dengan parti politik lain. Namun, Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Abdul Hadi Awang dengan yakin memberitahu kepada wartawan bahawa gabungan parti mereka sudah mempunyai cukup jumlah untuk membentuk kerajaan dan hanya menanti jemputan daripada Istana Negara untuk urusan selanjutnya (Khairulanuar Yahaya, 2023). Seterusnya, Hadi mendakwa bahawa pihaknya telah menghantar surat akuan bersumpah (SD) ahli parliment yang menyokong Pengerusi PN Muhyiddin Yassin sebagai PM ke-10.

Sementara itu, Anwar mengambil pendekatan berbeza daripada Hadi dengan tidak menaruh harapan tinggi untuk menjadi PM. Memang benar Anwar mempunyai impian untuk menjadi PM dan impian tersebut sudah mula kelihatan ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri (TPM) pada 1993. Namun, keputusan PRU15 membuktikan bahawa adalah mustahil Anwar boleh menjadi PM tanpa melakukan kerajaan campuran dengan parti-parti politik yang lain. Oleh itu, beliau mengambil pendekatan untuk tidak terperangkap dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh pemberita. Selain itu, beliau menyedari bahawa soalan daripada pemberita boleh memusnahnya kredibilitinya jika beliau tersilap jawab dan bersikap gelogoh untuk menonjolkan dirinya layak menjadi PM. Justeru, walaupun Anwar dan Hadi dikategorikan sebagai veteran politik, Anwar dilihat lebih bijak dan berhati-hati untuk mengelakkan dirinya daripada dipersalahkan jika beliau gagal menjadi PM. Berbanding Hadi, beliau tanpa beselindung mengesahkan bahawa PN layak menjadi PM walaupun ada ketikanya soalan daripada pemberita bersifat perangkap untuk menjatuhkan reputasi seseorang.

Keinginan Hadi untuk terus merampas kuasa politik (baca: menebuk atap) daripada KP tidak terhenti sehingga tibanya Pilihan Raya Negeri ke-15 (PRN15) pada 12 Ogos 2023. Terdapat enam negeri yang terlibat dalam PRN15 iaitu Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu. Hadi menegaskan bahawa jika PN berjaya memenangi kesemua negeri dalam PRN tersebut, maka tidak mustahil akan berlaku perubahan kepada kerajaan pusat (B. Nantha, K., 2023). Dalam perkataan lain, Hadi beranggapan bahawa jika PN berjaya menyapu bersih kesemua negeri dalam PRN15, maka secara automatiknya PH akan kehilangan kuasa dan PN akan menggantikan tempat PH sebagai kerajaan pusat. Ini membuktikan bahawa Hadi bersama anggota gabungannya seolah-olah terdesak hendak menjadi kerajaan pemerintah walaupun secara realitinya adalah mustahil keputusan PRN boleh mengubah kerajaan pusat. Hal ini kerana PRN hanya melibatkan kuasa negeri dan kemenangan PRN tidak boleh mempengaruhi kuasa pusat. Oleh sebab itu diwujudkan PRU dan PRN untuk membezakan kuasa antara parliment dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mana parliment akan mentadbir negara manakala DUN akan mentadbir negeri.

Justeru, tulisan ini akan menganalisis kehebatan dan kredibiliti seseorang ahli politik sama ada daripada PH atau PN dari sudut kepetahan berbahas. Realitinya, ramai rakyat Malaysia berhajat untuk menjadi ahli politik

dan salah satu faktor yang mendorong mereka bersungguh-sungguh hendak menjadi ahli politik ialah faktor pendapatan. Memang benar pendapatan seseorang ahli politik di Malaysia sama ada parlimen atau DUN adalah mewah walaupun kerajaan sendiri enggan memperincikan pendapatan seseorang yang bergelar Yang Berhormat (YB). Namun, terdapat ramai ahli parlimen atau DUN yang gagal memahami fungsi mereka sebagai YB dan terdapat kemungkinan mereka menjadi YB atas hubungan kekeluargaan, dasar kroni, mempunyai hubungan intim dengan pucuk pimpinan dan sebagainya. Oleh itu, kehebatan dan kredibiliti yang dipamerkan oleh mereka yang bergelar YB amat mendukacitakan dan faktor kekurangan ini akan dibahaskan secara kritikal dalam hujah seterusnya.

2. Kredibiliti ahli parlimen PN

Keputusan PRU15 menjelaskan bahawa PN gagal mengekalkan kekuasaannya sebagai parti pemerintah walaupun cubaan Muhyiddin untuk membentuk kerajaan dengan menghimpunkan sokongan yang cukup daripada beberapa ahli parlimen melalui SD. Dalam konteks ini, Muhyiddin gagal memahami bahawa parlimen sudah meluluskan undang-undang anti lompat parti. Ini bermakna SD secara peribadi daripada mana-mana ahli parlimen sudah tidak bernilai lagi. Selanjutnya, pada masa yang sama, beliau cuba mencuri sokongan sejumlah kecil ahli parlimen BN. Perbuatan ini menunjukkan bahawa tindakan yang tidak beretika dan menyerlahkan keinginan Muhyiddin untuk berkuasa tanpa menghiraukan prinsip dan etika. Dalam perkataan lain, Muhyiddin berharap parti gabungannya akan dapat menjadi kerajaan untuk penggal berikutnya dan beliau boleh meneruskan agenda negara yang gagal disempurnakan sebelum ini. Selanjutnya, bahagian ini akan menjelaskan kredibiliti PN sebagai pembangkang setelah setahun berlalu PRU15. Terdapat empat kegagalan PN setelah mereka dikategorikan sebagai pembangkang dan butiran mengenai kegagalan tersebut akan diperjelas di ruangan seterusnya.

Pertama, Muhyiddin bersama anggota gabungannya gagal memanfaatkan cadangan Agong untuk membentuk kerajaan campuran. Sebelum Agong membuat keputusan gabungan parti manakah yang layak dipilih sebagai kerajaan, baginda telah memberikan ruang dan peluang kepada semua ketua parti untuk membuktikan yang gabungan parti mereka sudah memenuhi kriteria untuk menjadi kerajaan. Selain itu, baginda melontarkan cadangan kepada semua ketua parti agar membentuk KP demi menjaga kestabilan politik, rakyat dan negara. Namun, Muhyiddin secara tegas menolak dengan terus mendakwa beliau mendapat sokongan majoriti, berbeza dengan Anwar yang cenderung menjalin kerjasama membentuk KP seperti disaran baginda (Ahmad Zaini Kamaruzzaman, 2022). Perbuatan Muhyiddin yang enggan menurut arahan daripada Agong menjelaskan bahawa sikap beliau yang tidak mahu bekerjasama dengan parti politik lain dan tidak bersedia untuk berkongsi kuasa demi kebaikan rakyat. Terdapat kemungkinan PN masih berpegang teguh kepada slogan "no Anwar" dan "no DAP" yang menyebabkan mereka keberatan untuk bekerjasama dengan PH.

Akibat penolakan ini, maka PN menjadi pembangkang manakala BN yang hanya memiliki 30 kerusi berhasil menjadi sebahagian daripada kerajaan. Kegagalan Muhyiddin dalam mencegah United Malays National Organisation (UMNO) menjadi sebahagian daripada kerajaan adalah tamparan paling pedih buat PN. Tambahan pula, PAS yang dikategorikan sebagai sekutu kuat PN menyokong keputusan Muhyiddin tanpa memperhalusi cadangan daripada Agong. Realitinya, dendam politik PAS terhadap Anwar dan Parti Tindakan Rakyat (DAP) menjadi punca parti tersebut enggan menurut cadangan Agong. Hal ini menyebabkan mereka rela mengekalkan status sebagai pembangkang daripada bekerjasama dengan Anwar dan DAP. Terdapat kemungkinan bahawa PAS terlupa akan ungkapan yang menjelaskan politik adalah seni serba mungkin dan berpolitik tidak memerlukan kawan atau lawan yang kekal. Cuma yang menjadi sasaran kekal ahli politik adalah kuasa dan kuasa boleh diperoleh melalui kerjasama sama ada daripada pihak lawan atau sebaliknya. Akibat daripada sikap tidak mempedulikan cadangan bernes daripada Agong, maka PN telah mencipta kerugian kepada parti dan penyokongnya dengan melepaskan peluang menjadi sebahagian daripada anggota gabungan KP.

Kedua, PN gagal mengenal pasti calon ketua pembangkang yang berkualiter. Setelah Anwar dilantik menjadi PM ke-10, maka teka teki seterusnya ialah siapakah yang layak untuk menggalas jawatan ketua pembangkang? Pada kebiasaanya, ahli politik yang pernah memegang jawatan berprestij semasa menjadi kerajaan dikenal pasti sebagai calon yang layak sebagai ketua pembangkang. Muhyiddin pernah menjadi PM dan persoalannya di sini ialah adakah beliau layak dipilih sebagai ketua pembangkang? Kriteria yang baik untuk menjadi seseorang ketua pembangkang ialah beliau mesti bijak berhujah, mempunyai pandangan yang bernes dan memiliki keterampilan sebagai pemimpin. Ironisnya, semasa Muhyiddin menjadi PM, beliau banyak membaca teks ucapan berbentuk pdf, jarang ditemu bual oleh pemberita dan amat malang sekali apabila beliau tidak begitu menyerlah dalam melakukan sidang media (Yasmin Ramlan, 2021). Justeru, Muhyiddin dilihat tidak memenuhi kriteria untuk menjadi ketua pembangkang dan kelemahan ini merupakan mimpi negeri kepada PN.

Setelah Muhyiddin gagal disenaraikan sebagai ketua pembangkang, maka netizen berharap PN boleh mengemukakan calon lain yang mempunyai kredibiliti sebagai pemimpin. Selain Muhyiddin, calon yang diklasifikasikan sebagai orang nombor dua dalam PN ialah Hadi Awang. Hadi dilihat banyak memberikan komen dalam media sosial mengenai status KP. Namun, harus diingatkan bahawa komen dalam media sosial adalah

tidak sama semasa berhujah dalam parlimen. Perwatakan Hadi yang kerap ponteng semasa sidang parlimen merumitkan lagi namanya dicalonkan sebagai ketua pembangkang. Selain itu, kegagalan Hadi menguasai kepetahan berbahasa Inggeris dilihat sebagai halangan untuk PN memilih beliau sebagai ketua pembangkang. Hal ini kerana seseorang ketua pembangkang bukan sahaja perlu berhujah di parlimen, malahan beliau perlu juga berurusan dengan pemimpin negara luar. Oleh itu, Hadi dilihat gagal memenuhi syarat untuk dipilih sebagai ketua pembangkang dan senario ini membuktikan bahawa PN ketandusan pemimpin.

Isu pemilihan ketua pembangkang akhirnya terjawab apabila PN memilih Hamzah Zainuddin. Kehebatan Hamzah diuji dalam sidang parlimen apabila beliau disindir oleh Rafizi Ramli berkaitan isu ekonomi (Ahmad Suhael Adnan, 2023). Setelah meneliti hujah daripada Rafizi, terbukti bahawa Hamzah tidak mempunyai pengetahuan luas mengenai ekonomi. Namun, beliau berpura-pura cuba mempamerkan kebolehannya dalam membahas isu ekonomi walaupun hujah daripada Rafizi amat mudah difahami. Tambahan pula, mereka yang bukan berlatarbelakangkan bidang ekonomi pun boleh memahami hujah Rafizi. Selanjutnya, Rafizi dengan sinis mempersendakan kehebatan Hamzah dengan berkata "saya bersyukur kerana seluruh negara dan dunia dapat melihat bahawa ketua pembangkang tidak faham konsep pertumbuhan ekonomi" sambil disambut dengan gelak ketawa daripada ahli parlimen KP. Kenyataan Rafizi telah menjatuhkan reputasi Hamzah sebagai ketua pembangkang apabila beliau secara terang-terang memperlihatkan kedangkalan pengetahuannya terhadap isu ekonomi. Sementara itu, peristiwa mengenai kegagalan Hamzah membahaskan isu ekonomi sambil dipersendakan oleh Rafizi telah menyebabkan rakyat yang cerdik politik mengkategorikan Hamzah sebagai ketua pembangkang rendah kualiti.

Ketiga, PN kekurangan calon yang celik ekonomi walaupun ada segelintir ahli politik daripada gabungan PN yang mengklasifikasikan dirinya sebagai pemikir ekonomi. Sebagai contoh, debat model baru ekonomi Malaysia antara Rafizi dengan Syahir Sulaiman (PAS Bachok) membuktikan bahawa Syahir gagal menjelaskan misi PN berkaitan ekonomi jika parti itu diberikan mandat untuk menjadi kerajaan. Rafizi menegaskan bahawa Syahir hanya 'berpusing-pusing' untuk memanjangkan jawapan yang dilontarkan dan beliau tidak menjawab soalan tetapi sebaliknya cuma membaca teks sahaja. Syahir pernah dilabelkan sebagai ahli teknokrat PAS yang bijak dalam ekonomi berdasarkan keputusan terbaik akademiknya semasa di universiti. Realitinya, angka atau gred yang tercatat dalam sijil akademik tidak menjamin seseorang itu bijak dalam bidang yang dipelajarinya. Dunia realiti memerlukan seseorang itu memikirkan secara global dan bijak membuat keputusan atau melontarkan pandangan bernesutan untuk menyelesaikan sesuatu kemelut. Namun, Syahir hanya mampu menonjokan dirinya sebagai badut di pentas debat tanpa mempamerkan kredibilitinya sebagai pemikir ekonomi yang disegani.

Sebagai contoh lain, delegasi PAS yang diketuai oleh Tuan Ibrahim Tuan Man telah bertemu pengurusan tertinggi 1MDB termasuk ketua pegawai esekutifnya Arul Kanda Kandasamy mengenai kemelut hutang yang dihadapi oleh 1MDB (Koh J. L., 2017). Persoalannya di sini ialah apakah motif delegasi PAS bertemu Arul Kanda dan adakah PAS hanya ingin mencari publisiti murahan setelah negara digegarkan dengan skandal 1MDB? Persoalan seterusnya ialah apakah yang dibentangkan oleh PAS di parlimen setelah mereka mendapat maklumat daripada Arul Kanda? Terdapat banyak pertanyaan yang boleh diperbahaskan berkaitan hasil pertemuan PAS mengenai skandal 1MBD dan persoalan berikutnya ialah adakah delegasi PAS memahami konsep ekonomi global atau mereka sekadar menelan apa yang disuapkan oleh Arul Kanda? Realitinya, elit perniagaan bijak memanipulasikan angka ekonomi dan mereka yang kurang sensitif dengan isu ekonomi akan mudah terpegun apabila mendengar penjelasan daripada elit perniagaan. Tambahan pula, mereka memerlukan sokongan daripada ahli politik untuk terus beroperasi walaupun pada hakikatnya syarikat yang diterajui oleh mereka menghadapi masalah kecairan kewangan yang serius. Justeru, amat malang buat PN apabila parti itu ketandusan calon yang mahir dalam bidang ekonomi kerana kecelikan ekonomi boleh membantu parti daripada dipergunakan oleh elit politik untuk kepentingan peribadi.

Keempat dan terakhir, kebanyakan ahli parlimen PN tidak cerdik dalam seni perbahasan, mudah tersinggung apabila ditegur dan gagal menggunakan platform perbincangan untuk mendapatkan peruntukan. Jika dilihat pada sesi parlimen, ternyata bahawa ahli parlimen PN banyak mempersoalkan sesuatu isu berdasarkan emosi dan dendam politik. Sebagai contoh, PM Anwar mengumumkan bahawa kerajaan akan menggunakan kereta elektrik penuh (EV) sebagai kenderaan rasmi bagi menggantikan kereta-kereta sedia ada dalam pembentangan budget 2024. Cadangan menggunakan EV bukanlah satu cadangan baharu, tetapi cadangan tersebut sudah diberitahu kepada umum oleh Menteri Alam Sekitar dan Air, Tuan Ibrahim selepas beliau menghadiri Malaysian Climate Change Action Council (MyCAC) pada 21 Jun 2022. Ironisnya, tiada bantahan daripada mana-mana ahli parlimen sama ada PN atau PH pada ketika itu. Namun, apabila Anwar mengulangi semula untuk meneruskan cadangan Tuan Ibrahim, maka kedengaran bantahan daripada Abdul Latiff Abdul Rahman (PAS Kuala Krai) (Mohamad Fadli, 2023).

Persoalannya di sini ialah mengapa PN membantah cadangan Anwar untuk meneruskan penggunaan EV sedangkan semasa mereka berkuasa, tiada suara-suara negatif daripada ahli parlimen PN? Adakah Abdul Latif berhujah atas keperihatinannya terhadap kedudukan ekonomi Malaysia atau sememangnya beliau tidak cakna dengan perkembangan politik Malaysia? Selanjutnya, bagaimana rakyat hendak bertukar daripada kenderaan

petrol atau diesel ke EV jika kerajaan sendiri tiada inisiatif untuk membuktikan kepada rakyat bahawa EV adalah sebuah kenderaan teknologi moden yang boleh dipercayai. Tambahan pula, akan wujud 'situasi menang-menang' antara kerajaan dengan Tesla yang mana Tesla melabur di Malaysia dan rakyat Malaysia memberikan sokongan terhadap industri Tesla. Dalam konteks ini, kedua-dua pihak antara kerajaan dan Tesla akan mendapat keuntungan bersama dan fenomena inilah yang hendak ditonjolkan oleh KP. Namun, amat menyediakan apabila PN lebih berminat untuk membantah sesuatu cadangan KP tanpa memperhalusi butiran cadangan KP. Mereka lebih gemar membantah secara semberono dan akan berasa bangga jika mendapat puji daripada rakyat.

Sebagai contoh lain, terdapat lima ahli parliment PN daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu - Jeli, Labuan, Kuala Kangsar, Bukit Gantang dan Gua Musang) telah mengumumkan secara terbuka akan menyokong KP (Mohammad Khairil A. M. K., 2023). Mengapa fenomena ini boleh berlaku sedangkan kerajaan sudah menguatkuasakan akta lompat parti? Salah satu faktor yang menyebabkan mengapa lima ahli Bersatu menukar sokongan kepada KP ialah apabila mereka kecewa dengan kepimpinan Muhyiddin yang enggan berunding dengan KP mengenai budget kewangan. Anwar sudah berulang kali memberitahu kepada ahli parliment PN bahawa mereka akan diberikan peruntukan kewangan, tetapi dengan syarat mereka hendaklah datang berbincang dengan kerajaan (Geraldine, T., 2023). Mengapa Anwar meletakkan syarat sedemikian dan adakah pembangkang tidak layak mendapat peruntukan kerajaan? Realitinya, ramai ahli parliment membelanjakan duit peruntukan untuk kepentingan peribadi, pengurusan parti, memperkayakan kroni dan melanggan media sosial untuk mengkritik kerajaan. Hal ini menyebabkan rakyat tidak mendapat manfaat daripada budget kewangan yang diberikan kepada wakil rakyat mereka. Justeru, kelima-lima ahli parliment Bersatu berpendapat bahawa syarat PM Anwar ada asasnya dan mereka bersedia menyokong KP untuk kepentingan rakyat.

Sebagai kesimpulannya, terbukti bahawa ramai ahli parliment PN masih kurang memiliki keterampilan sebagai pemimpin. PM Anwar menegaskan bahawa KP adalah kerajaan Madani dan konsep Madani mengutamakan sifat kasih sayang, bersedia berbincang dan menghargai persahabatan. Namun, PN sering kali memberikan sambutan dingin terhadap konsep Madani dengan membuat tanggapan bahawa Madani hanyalah retorik politik untuk mencapai kepentingan peribadi dalam kalangan anggota gabungan PH. Rakyat boleh menilai pencapaian setahun pentadbiran KP dengan kejayaan mereka mengawal harga barang, menggalakkan pelaburan asing, meningkatkan subsidi padi dan memastikan harga elektrik kekal pada tarif asal. Jika dibandingkan dengan pentadbiran PN pada 2020, ternyata bahawa PN hanya mengutamakan saiz kabinet yang besar, gagal mengawal harga barang sehingga menyebabkan harga telur dan barang keperluan lain seperti gula tiada dalam pasaran dan peningkatan Kadar Dasar Semalam (OPR) yang membebankan rakyat. Justeru, sifat kepimpinan perlu ada dalam diri seseorang ahli politik agar mereka boleh membawa kecemerlangan kepada negara dan bukannya membolot kekayaan negara.

3. Kredibiliti ahli parliment PH

Setahun sudah berlalu dan Anwar bersama barisan kabinetnya berjaya mengharungi rintangan politik dengan mencipta pelbagai kejayaan yang boleh dibanggakan. Terdapat ramalan yang mengatakan bahawa PH akan mengalami kemelut politik yang serius jika mereka terus bekerjasama dengan BN. Hal ini kerana Pengurus UMNO Zahid Hamidi disabitkan dengan 47 tuduhan rasuah, pecah amanah dan pengubahan wang haram dana Yayasan Akalbudi yang diasaskan olehnya. Tambahan pula, Zahid juga menghadapi 40 pertuduhan rasuah berhubung kontrak Sistem Visa Luar Negara (VLN). Isu keretakan KP sering dimainkan oleh PN dan disambut oleh bekas PM Mahathir Mohamad (Malaysiakini, 2023). Mahathir dilabelkan sebagai seorang insan yang sering tidak berpuashati dengan pencapaian Anwar dan beliau kerap kali memperkecilkan kebolehan Anwar. Namun, peredaran masa membuktikan bahawa Anwar mampu mentadbir Malaysia dengan lebih baik berbanding Muhyiddin, Ismail Sabri dan Mahathir. Kejayaan yang dicipta oleh Anwar bersama anggota kabinetnya tidak diperoleh dengan mudah dan dalam ruangan seterusnya akan dijelaskan beberapa kredibiliti PH semasa mentadbir negara.

Pertama, KP berjaya memperkenalkan menu rahmah untuk kebaikan semua rakyat tanpa mengira kaum. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Salahuddin Ayub dengan berani telah memperkenalkan menu rahmah yang berharga serendah RM5 dan harga tersebut diramalkan dapat membantu setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kumpulan pendapatan mahupun taraf kehidupan rakyat (Fahmy A. Rosli, 2023). Persoalannya di sini ialah mengapa nilai RM5 ditetapkan dan bagaimana peniaga atau peruncit akan mendapat keuntungan dengan harga RM5? Salahuddin menyedari bahawa kos hidup semakin hari semakin mahal dan ramai orang awam, pelajar sama ada sekolah atau universiti dan pekerja berjawatan rendah memerlukan makanan berkhasiat untuk meneruskan kehidupan. Namun, kesempitan wang menyebabkan mereka hanya makan untuk menghilangkan lapar sahaja. Oleh itu, harus difahami bahawa mekanisme menu rahmah ialah peniaga tidak perlu menjual kesemua jualannya dengan harga RM5. Sebagai contoh, mereka hanya perlu mengehadkan 30 daripada 100 barang jualan dengan harga RM5 dan bakinya dijual mengikut harga

semasa. Dalam konteks ini, peniaga berkongsi rezeki dengan rakyat dan tindakan ini menghasilkan situasi menang-menang antara peniaga dengan pelanggan.

Sementara itu, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) telah bersetuju memperkenalkan model Axia rahmah berharga RM22 ribu tanpa insuran (Alzahrin Alias, 2023). Kesanggupan Perodua menjual kereta mampu milik membuktikan bahawa mereka mempercayai KP boleh mengekalkan kestabilan politik dan mengurus tadbir negara dengan baik. Selanjutnya, Axia dikategorikan sebagai model paling murah pernah diperkenalkan oleh Perodua sejak model pertamanya, Kancil, yang dilancarkan pada Ogos 1994 dengan harga RM24,800. Dalam konteks ini, KP menyedari bahawa kereta adalah satu pengangkutan yang diperlukan oleh setiap individu. Harga sebuah kenderaan baharu yang paling murah di Malaysia adalah RM35 ribu dan ke atas. Hal ini menyebabkan KP telah mengeluarkan menu rahmah kereta mampu milik agar semua rakyat dapat memiliki kereta baharu. Walaupun model Axia tidak dilengkapi dengan pelbagai ciri-ciri moden, namun sekurang-kurangnya rakyat marhaen dapat memiliki kereta baharu. Ini membolehkan mereka berkongsi kegembiraan dengan keluarga dan dapat menguruskan kehidupan keluarganya dengan sempurna. Justeru, KP perihatin dengan nasib rakyat dan masalah rakyat untuk memiliki sebuah kenderaan dapat diselesaikan.

Kedua, ahli parlimen KP mempunyai nilai integriti, moral dan tidak terlibat dengan rasuah. Selepas terbina KP, tiada kedengaran daripada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas ahli parlimen KP berkaitan kes dakwaan atau tangkapan yang melibatkan rasuah. Namun, rakyat mempersoalkan bagaimana dengan kes salah guna kuasa Zahid dan adakah personaliti beliau bersih daripada rasuah? Memang benar Zahid didakwa atas kes salah guna kuasa berjumlah RM42 juta dan 27 tuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM72 juta (Dinni A. Z. & Faida R., 2023). Tetapi, kes beliau sudah didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 19 Okt 2018 dan pada ketika itu, beliau dan partinya belum lagi menjadi sebahagian daripada anggota KP. Justeru, PM Anwar berpendapat bahawa kes Zahid harus diteruskan walaupun BN sudah menjadi rakan kongsi KP. Ini menjelaskan bahawa tindakan yang dilakukan oleh Anwar bertujuan untuk membuktikan kepada rakyat bahawa beliau tidak campur tangan dalam urusan perbicaraan mahkamah. Beliau juga berpendapat bahawa biarlah mahkamah yang menjatuhkan hukuman terhadap Zahid walaupun beliau boleh campur tangan dalam urusan perbicaraan mahkamah untuk menyelamatkan Zahid sepertimana yang pernah dilakukan oleh bekas PM terdahulu.

Selanjutnya, bagaimana pula dengan kes rasuah isu pekerja asing yang melibatkan Menteri Sumber Manusia V. Sivakumar (B. Nantha, K., 2023)? Ahli Jawatankuasa Sayap Bersekutu Bersatu, K Vasantha menjelaskan bahawa SPM seharusnya bertindak segera untuk mendakwa Sivakumar jika sekiranya badan itu sudah mempunyai bukti kukuh (Tuan Buqhairah T. M. A., 2023). Beliau juga menegaskan bahawa SPM akan bertindak pantas ke atas pembangkang jika mereka disabitkan dengan rasuah. Sebagai contoh, SPM dengan cepat membuat pendakwaan ke atas kes Jana Wibawa, tetapi bertindak sebaliknya bila melibatkan Sivakumar. Dalam konteks ini, SPM tidak perlu berkelakuan antara dua darjah yakni segera mendakwa musuh politik manakala amat berwaspada bila berhadapan dengan situasi sebaliknya. Terdapat kemungkinan isu pekerja asing sudah berlaku semasa PN menjadi kerajaan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Semasa PKP, Muhyiddin telah menggantung parlimen dan tiada siapa tahu apa yang berlaku kepada negara. Cuma isu rasuah melibatkan pekerja asing meletup selepas PRU15 dan kebetulan Sivakumar dilantik sebagai Menteri Sumber Manusia. Dalam hal ini, adakah Sivakumar bersalah atau birokrat yang sepatutnya bertanggungjawab? Persoalan ini masih menjadi teka teki walaupun Sivakumar sudah menggantung tiga pegawai kanannya.

Ketiga, KP sentiasa memastikan bekalan makanan mencukupi dan tiada berlaku kenaikan harga barang yang boleh membebankan rakyat. Krisis bekalan makanan seperti ayam, gula dan telur akan kedengaran apabila tibanya musim perayaan. Bukan sahaja bekalan makanan tiada di pasaran, malahan harga barang tersebut dinaikkan atas alasan stok bekalan tidak mencukupi. Sebagai contoh, PN telah menubuahkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang diketuai oleh Annuar Musa dan tujuan pasukan ini ialah untuk mengawal dan mengekalkan inflasi dan harga barang. Namun, pasukan itu dituduh tidak berkesan, tidak cekap dan tidak relevan untuk membendung kenaikan harga. Ini berikutan keputusan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menaikkan OPR buat kali ketiga berturut-turut tahun ini sebanyak 25 mata asas daripada 2.25% kepada 2.5%, dengan tujuan utamanya untuk membendung inflasi. Dalam tahun 2022 sahaja OPR telah meningkat tiga kali daripada 1.75% \square 2% pada 11 Mei 2022 diikuti dengan 2% \square 2.25% pada 6 Julai 2022 dan diakhiri pada 8 Sept 2022 dengan kadar kenaikan 2.25% \square 2.5% (Borhan Ahmad, 2022). Justeru, di manakah relevannya pasukan ini jika mereka gagal mengawal kadar inflasi kerana kenaikan inflasi akan menyebabkan harga barang naik secara automatik. Sudah pasti kenaikan harga barang akan menyusahkan rakyat dan ini menyebabkan mereka terpaksa mengawal perbelanjaan harian.

Namun, apabila Mohamad Sabu dipilih sebagai Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, tindakan pertama yang dilakukan oleh beliau ialah menambah stok telur dengan mengeluarkan permit import sementara dari India (The Merdeka Times, 2023). Beliau menjelaskan bahawa syarikat dari India itu diberikan kebenaran mengeksport berdasarkan pengalaman mereka membawa masuk telur ke Qatar bagi memenuhi keperluan ketika penganjuran Piala Dunia FIFA 2022 di Qatar. Sebagai hasilnya, bekalan telur dan ayam kini kembali pulih selepas melepass tahap getir bekalannya walaupun berlaku sedikit kenaikan harga (Malaysiakini, 2023).

Realitinya, kekurangan stok bekalan makanan harian seperti telur, ayam, gula dan beras tetap akan berlaku walaupun parti mana sekalipun yang menjadi kerajaan. Dunia dilanda pelbagai bencana seperti kemarau berterusan, perang antara negara dan banjir besar yang sekali gus boleh memusnahkan hasil pertanian. Oleh itu, kerajaan tidak boleh lari daripada mengambil tanggungjawab untuk memastikan stok bekalan makanan sentiasa mencukupi walaupun mereka menyedari bahawa bencana alam tidak boleh dielakkan. Dalam hal ini, rakyat ingin tahu apakah tindakan kerajaan untuk memastikan stok bekalan makanan mencukupi? Ternyata bahawa KP lebih mengutamakan rakyat dengan segera mencari penyelesaian dalam menghadapi krisis makanan berbanding PN walaupun kaedah penyelesaian itu bersifat sementara.

Keempat dan terakhir, Anwar bersama anggota gabungannya berjaya membawa masuk pelaburan asing dalam jumlah yang besar. Setiap kali apabila Anwar mengadakan lawatan ke luar negara, beliau akan cuba berdialog dengan ahli-ahli perniagaan dan meminta mereka datang melabur ke Malaysia. Jepun merupakan negara terbaharu yang sudi melabur di Malaysia dengan jumlah pelaburan dianggarkan bernilai RM6.56 bilion. Bagaimana sesebuah negara berminat untuk melabur di Malaysia dan apakah keistimewaan yang dipamerkan oleh Anwar? Realitnya, personaliti Anwar yang tidak terlibat dengan rasuah dan ikrar beliau untuk memastikan Malaysia adalah destinasi selamat kepada pelabur dilihat sebagai daya tarikan. Selain itu, Malaysia dikategorikan sebagai negara Dunia Ketiga dan mengamalkan konsep pengantungan ekonomi. Dalam hal ini, Malaysia masih memerlukan kemasukan teknologi baharu daripada negara maju dan dalam masa yang sama, Malaysia juga memerlukan dana pelaburan untuk memajukan ekonominya.

Selanjutnya, bukanlah merupakan usaha yang mudah untuk memujuk syarikat besar datang melabur di Malaysia. Namun, berdasarkan prestasi yang dipamerkan oleh KP, maka Tesla telah bersetuju bertapak di Malaysia dan persetujuan ini didorong oleh faktor Malaysia yang mempunyai ekosistem kukuh dalam menyokong pembuatan kenderaan EV. Hal ini kerana Malaysia merupakan pengeluar ketujuh terbesar dunia dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) selain semi konduktor yang merupakan komponen penting dalam mana-mana pembuatan EV (Bernama, 2023). Sementara itu, kebijaksanaan PH dan BN yang memilih untuk bekerjasama demi KP dilihat sebagai salah faktor yang boleh menarik minta pelabur luar. Disebabkan faktor inilah maka pengasas merangkap Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tesla Inc dan SpaceX, Elon Musk bersetuju untuk melabur secara besar-besaran di Malaysia termasuk membuka ibu pejabat Tesla Inc di Cyberjaya, Selangor.

Secara kesimpulannya, KP sentiasa komited hendak memajukan Malaysia dari sudut ekonomi dan mereka juga memastikan tiada unsur rasuah dalam kalangan ahli parlimennya. Sesebuah negara itu akan dihormati jika pemimpin negara itu berusaha bersungguh-sungguh untuk menghapuskan rasuah dan dalam masa yang sama pemimpin tersebut berbaik-baik dengan negara luar demi menjaga hubungan dua hala. Selain itu, ketegasan seseorang pemimpin dalam menyuarakan sesuatu konflik yang sekali gus boleh menjelaskan keharmonian dunia juga dilihat sebagai salah faktor yang menyebabkan negara itu dihormati. Dalam hal ini, Anwar berusaha bersungguh-sungguh untuk membawa Malaysia ke persada dunia yang dihormati, disegani dan dipercayai. Jika kesemua elemen itu boleh dicapai, terdapat kemungkinan Malaysia akan terus disanjung tinggi oleh dunia luar.

4. Perbandingan kredibiliti ahli parlimen PH vs PN

Kebanyakan ahli parlimen PH atau PN mempunyai pengalaman sebagai kerajaan, tetapi yang membezakan antara mereka ialah tempoh kekuasaan. PN pernah berkuasa hampir 33 bulan (Mac 2020-Nov 2022) manakala PH (gabungan KP) baharu setahun lebih menjadi kerajaan. Realitnya, setiap ahli politik inginkan kuasa dan mereka akan mendekati rakyat apabila tiba PRU. Selanjutnya, mereka akan berkempen secara berhabis-habisan dengan menjanjikan pelbagai manifesto jika mereka dipilih sebagai wakil rakyat. Namun, terdapat juga ahli politik yang hilang daripada radar apabila sudah berkuasa dan manifesto yang dijanjikan oleh beliau hanya tinggal manifesto. Dalam hal ini, perlukah rakyat mengekalkan wakil rakyat tersebut untuk penggal berikutnya atau digantikan dengan muka baharu? Umum mengetahui bahawa ahli politik yang hanya inginkan kuasa bijak menaburkan retorik politik dan mereka mahir memainkan psikologi pengundi supaya terus memberikan undi kepadanya.

Sebagai contoh, menantu Muhyiddin, anak Hamzah dan Wan Saiful daripada PN telah didakwa di mahkamah atas salah guna kuasa semasa mereka menjadi kerajaan. Muhyiddin telah menggunakan kuasanya untuk menganugerahkan projek kepada menantunya bernilai 1.16 bilion pada 29 Jan 2021 ketika Perintah Darurat berkuatkuasa. Sehingga hari ini, kes salah guna kuasa Muhyiddin masih belum tamat perbicaraan disebabkan menantunya telah melarikan diri ke luar negara. Persoalannya di sini ialah mengapakah menantu Muhyiddin perlu melarikan diri ke luar negara jika projek yang beliau peroleh itu melalui sistem tender yang dibenarkan oleh kerajaan? Ternyata bahawa Muhyiddin merupakan seorang ahli politik yang hanya ingin kuasa dan beliau tiada personaliti yang boleh dihormati. Hal ini kerana beliau secara terang-terangan menyalah gunakan kuasanya sebagai PM. Oleh itu, untuk bersembunyi daripada rakyat mengetahui kesalahan tersebut, maka beliau mengumumkan darurat yang sekali gus menggantungkan parlimentar daripada bersidang.

Seterusnya, Malaysia dikejutkan dengan dakwaan terhadap anak Hamzah atas sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had yang dibenarkan. Beliau didakwa memberikan maklumat palsu dengan mengeluarkan invois palsu mengenai penjualan minyak itu kepada syarikat peruncit tempatan, Pasar Segar Din Maju yang menyalahi Seksyen 8(4) Akta Kawalan Bekalan 1961 (Ahmad Hasbi, 2023). Disebabkan tindakan tidak bermoral daripada anak Hamzah yang disokong oleh bapanya, maka harga minyak masak menjadi mahal dan stok bekalan hampir tiada di pasaran. Perbuatan sedemikian menyusahkan rakyat dan rakyat terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan bekalan minyak masak. Selain itu, harga makanan menjadi mahal disebabkan peniaga terpaksa mengimbangkan harga makanan dengan harga pasaran minyak masak. Justeru, di manakah nilai moral atau kredibiliti Hamzah yang rakyat boleh menghormatinya? Terbukti bahawa ahli parliment PN banyak menaburkan retorik politik untuk terus berkuasa dan mereka sememangnya tiada hasrat untuk memastikan kesejahteraan negara terjaga dengan baik.

Sementara itu, bagaimana pula dengan ahli parliment PH setelah mereka diberikan mandat untuk berkuasa? Memang benar tidak semua manifesto PRU boleh dicapai dalam masa yang singkat disebabkan terdapat pelbagai halangan yang tidak boleh dijangkakan. Namun, ahli parliment PH berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan mereka telah merancang pelbagai manfaat kepada rakyat seperti memperkenalkan menu rahmah, berusaha menurunkan kadar inflasi dan memberikan tol percuma semasa musim perayaan. PH berpendapat bahawa pemberian tol percuma sekurang-kurangnya dapat meringankan beban perjalanan semua rakyat Malaysia yang merancang pulang ke kampung halaman untuk melawat ahli keluarga dan menyambut hari perayaan atau bercuti bersama keluarga semasa musim cuti. Selanjutnya, PH komited untuk menarik sebanyak mungkin pelabur asing datang melabur ke Malaysia dan tujuan mereka berbuat demikian ialah untuk memastikan ekonomi Malaysia terus berkembang. Hal ini merupakan tindakan positif kerana ekonomi yang berkembang maju akan membolehkan rakyat memperoleh pendapatan yang lebih baik.

Sebagai kesimpulan, rakyat yang celik politik sudah semestinya bijak menilai kredibiliti seseorang ahli parliment itu. Sejarah politik Malaysia menjelaskan bahawa ramai ahli parliment PN lebih mengutamakan kroni, menyalahguna kuasa dan berasa selesa dengan jawatan yang disandang. Sebagai contoh, Hadi pernah dilantik sebagai Duta Timur Tengah semasa PN menjadi kerajaan. Persoalannya ialah apakah pencapaian yang boleh dibanggakan daripada Hadi dan adakah berlakunya nilai pelaburan dari Timur Tengah? Jika dibandingkan dengan PM Anwar, beliau berjaya menarik nilai pelaburan dari benua Timur Tengah dan ini merupakan satu berita gembira kepada rakyat. Umum mengetahui bahawa pelaburan yang dijanjikan oleh pelabur asing tidak dapat direalisasikan dalam masa pendek. Namun, rakyat akan menikmati keindahan pelaburan tersebut apabila tiba masanya. Justeru, rakyat juga mempersoalkan untuk apa dibayar gaji yang mahal kepada seseorang ahli parliment jika peranan mereka hanya memenuhi kuota dalam parliment sahaja?

5. Kesimpulan

Rakyat berhak mendapat pemimpin yang berkaliber, berketerampilan dan mempunyai wawasan yang jelas dalam mentadbir negara. Namun, amat mendukacitakan apabila terdapat calon yang bertanding dalam PRU mempamerkan perwatakan berbeza sebelum dan selepas bergelar YB. Telah dijelaskan di awal penulisan ini bahawa seseorang ahli politik itu bijak mempermainingkan psikologi pengundi dengan memujuk mereka agar terus memberikan undi kepadanya. Justeru, kekecewaan tergambar dalam wajah pengundi apabila calon yang mereka pilih itu sebenarnya tiada hasrat hendak berbakti kepada rakyat. Mereka bertanding dalam PRU hanya ingin berkuasa dan menikmati kemewahan hidup apabila diangkat menjadi YB. Sebagai contoh, ahli parliment Kepala Batas daripada PAS rela dirinya disaman oleh ahli parliment DAP dan kerajaan Singapura atas kedangkan dirinya sendiri. Walaupun beliau mempunyai kelulusan akademik yang baik, namun kebijaksanaan dalam pendidikan bukan kunci untuk menjatuhkan maruah seseorang. Sebagai akibatnya, individu yang dijatuhkan maruahnya telah menfaillkan saman terhadap ahli parliment tersebut dan kes itu hanya menanti maklum balas daripada pihak mahkamah.

Selanjutnya, kualiti pembangkang selepas PRU15 amat membimbangkan dan kepetahan mereka berbahas di parliment tidak begitu menyakinkan rakyat. Sebagai contoh, ahli parliment Ketereh daripada PAS hanya mengulang sebut isu nasib bekas tentera setiap kali sidang parliment bersidang. Persoalannya di sini, apakah motif sebenar beliau mengulang sebut isu yang sama walaupun Menteri Pertahanan sudah memberikan penjelasan yang jelas? Adalah beliau sengaja hendak menguji kebolehan Menteri Pertahanan ataupun sememangnya beliau tidak mempunyai isu lain yang hendak dibahaskan? Justeru, kajian ini mendapati bahawa nilai kredibiliti ahli parliment PN masih ditahap tercorot dan mereka dikategorikan sebagai seorang YB yang hebat hanya semasa berkempen. Tambahan pula, keterampilan mereka untuk menyelesaikan sesuatu masalah rakyat masih menjadi tanda tanya. Hal ini kerana agenda politik harian yang sering menjadi bual bicara dalam kalangan mereka ialah KP akan berkubur dan mereka dilihat sebagai pengganti kerajaan yang boleh dipercayai oleh rakyat.

Penghargaan

Penulis artikel ingin mengucapkan terima kasih dan rasa penghargaan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Khairulanuar Yahaya. (26 April 2023). Mujur 'kito sudah cukop jumloh, esok angkat sumpoh' tak jadi kenyataan - Agus. Dimuat turun daripada <https://malaysiagazette.com/2023/04/26/mujur-kito-sudah-cukop-jumloh-esok-angkat-sumpoh-tak-jadi-kenyataan-agus/>
- B. Nantha, K. (7 Ogos 2023). Hadi: K'jaan pusat bertukar jika PN menang besar dalam PRN. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/674737>
- Ahmad Zaini Kamaruzzaman. (26 Nov 2022). Kenapa Anwar bukan Muhyiddin dilantik PM Ke-10. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/11/1031772/kenapa-anwar-bukan-muhyiddin-dilantik-pm-ke-10>
- Yasmin Ramlan. (23 Mac 2021). 'Wartawan pun Muhyiddin tak berani berdepan, apa lagi nak debat Dr M'. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/567689>
- Ahmad Suhael Adnan. (14 Feb 2023). Rafizi sindir Hamzah tak faham konsep ekonomi. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1064067/rafizi-sindir-hamzah-tak-faham-konsep-ekonomi>
- Koh J. L. (7 Ogos 2017). PAS puas hati penjelasan Arul Kanda. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/391119>
- Mohamad Fadli. (19 Okt 2023). Ahli Parlimen PN bida keputusan Putrajaya jadikan EV kenderaan rasmi. Dimuat turun daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/19/ahli-parlimen-pn-bidas-keputusan-putrajaya-jadikan-ev-kenderaan-rasmi/>
- Mohammad Khairil A. M. K. (11 Dis 2023). 7 atau 8 lagi Ahli Parlimen PN bakal isytihar sokong Anwar? Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1187700/7-atau-8-lagi-ahli-parlimen-pn-bakal-isytihar-sokong-anwar>
- Geraldine, T. (23 Feb 2023). 'MP boleh mohon peruntukan melalui ketua whip jika belum dapat'. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/656200>
- alaysiakini. (13 Mei 2023). 'Melayu hilang kuasa' sekadar cerita Mahathir saja - Sheikh Umar. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/665008>
- Fahmy A. Rosli. (22 Feb 2023). Menu Rahmah bukan 'menu orang miskin' – Salahuddin. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1067888/menu-rahmah-bukan-menu-orang-miskin-salahuddin>
- Alzahrin Alias. (15 Jun 2023). PERODUA perkenal Axia E harga 'rahmah' RM22,000. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2023/06/1114737/perodua-perkenal-axia-e-harga-rahmah-rm22000>
- Dinni A. Z. & Faida R. (4 Sept 2023). Kronologi kes Ahmad Zahid. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kronologi-kes-ahmad-zahid-435814>
- B. Nantha, K. (16 Apr 2023). Sivakumar gantung tiga pegawai kanan - sumber KSM. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/662379>
- Tuan Buqhairah T. M. A. (3 Julai 2023). Segerakan pendakwaan terhadap Sivakumar, pegawai. Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/266316/berita/politik/segerakan-pendakwaan-terhadap-sivakumar-pegawai>
- Borhan Ahmad. (10 Sept 2022). Gagalkekang inflasi: Ismail digesa bubar Pasukan Jihad Tangani Inflasi pimpinan Annuar Musa. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiadateline.com/gagal-kekang-inflasi-ismail-digesabubar-pasukan-jihad-tangani-inflasi-pimpinan-annuar-musa/>
- The Merdeka Times. (1 Mac 2023). Hanya satu syarikat import telur dari India – Mat Sabu. Dimuat turun daripada <https://themerdekatimes.com/news/2023/03/hanya-satu-syarikat-import-telur-dari-india-mat-sabu/>

Malaysiakini. (20 Julai 2023). Bekalan telur dan ayam pulih - Mohamad Sabu. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/672581>

Bernama. (28 Julai 2023). Pelaburan asing yang besar bukti Kerajaan Perpaduan kukuh, stabil – PM. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelaburan-asing-yang-besar-bukti-kerajaan-perpaduan-kukuh-stabil-pm-430217>

Ahmad Hasbi. (5 April 2023). Anak Hamzah Zainuddin didakwa kemuka dokumen palsu, memiliki minyak masak lebih had. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1086364/anak-hamzah-zainuddin-didakwa-kemuka-dokumen-palsu-memiliki-minyak-masak>